

## Proton e.MAS 7 Tour Memulakan Babak yang Mengujakan bagi EV Nasional Pertama Malaysia

*Pengembaraan EV Nasional pertama membawakan Semangat Malaysia dalam penerokaan dan inovasi ke setiap pelosok negara.*

**Subang Jaya, 4 Oktober 2024** – Rakyat Malaysia bakal melihat Proton e.MAS 7 beraksi buat kali pertamanya sebagai model sulung EV daripada pengeluar kereta nasional PROTON. e.MAS 7 akan memulakan perjalanannya merentasi semenanjung hingga ke Sabah dan Sarawak dengan jarak melebihi 2,000 km. Pengembaraan epik ini akan meliputi semua negeri di Malaysia bermula pada 5 Oktober dan ia bukan sahaja mempamerkan kehebatan EV tersebut tetapi juga Semangat Malaysia dalam kecemerlangan kejuruterannya.

Proton e.MAS 7 kini berada di dalam fasa akhir ujian dimana unit percubaan ini terus diuji dengan teliti bagi menyesuaikan dengan keperluan pengguna Malaysia. Jelajah e.MAS 7 dibina atas kejayaan “Long Test Drive” Geely E5 dari China ke Malaysia bagi membuktikan ketahanan dan kebolehpercayaan teknologi tersebut walaupun menghadapi cuaca buruk. Seterusnya, e.MAS 7 akan merentasi jalan raya di Malaysia sambil menikmati kepelbagaian makanan tempatan yang terkenal, bermula dari Negeri Sembilan dan berakhir di Sarawak pada 29 November.

### **Electrifying Malaysia Satu KM Satu Perjalanan**

Fasa pertama Jelajah e.MAS 7 membawa kenderaan EV ini menuju ke arah selatan melalui Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor. Jelajah ini disertai dengan persinggahan di stesen pengecasan dan tempat makan popular di mana orang ramai berpeluang melihat dan berinteraksi dengan e.MAS 7.

Jelajah e.MAS 7 ini menandakan bermulanya babak baharu bagi pengeluar kereta nasional dimana ia dapat mempamerkan reka bentuk menarik EV sulungnya kepada orang ramai. Di sebalik luaran yang bercorak dengan menggunakan pelekat pembalut kereta dan rekaan moden yang menampilkan lampu belakang LED penuh serta pemegang pintu tersembunyi, ini dapat mengukuhkan lagi reka bentuk canggih global dan pemikiran daripada PROTON.

Dengan merentasi jalan raya Malaysia dengan pelbagai keadaan cuaca, Jelajah e.MAS 7 ini akan mendapat peluang untuk mempamerkan kualiti kenderaan, kebolehpercayaan, dan ketahanan teknologi terunggul yang terdapat pada EV pertama negara. Terbentuk melalui kerjasama dengan Geely, hal ini menggambarkan kebolehan dan kemampuan yang boleh dicapai dari bakat kejuruteraan PROTON dan rakan kongsinya.

“Jelajah e.MAS 7 adalah permulaan kepada perjalanan yang menarik bagi jenama ini kerana ia membawa reka bentuk yang gagah dan unggul model EV pertama kami kepada orang ramai sambil menekankan kemajuan teknologi dan inovasi yang telah kami capai. Saya yakin pasukan jurutera kami akan mempercepatkan penyesuaian Proton e.MAS 7 dengan keadaan unik di Malaysia sambil menekankan komitmen PRO-NET dalam membina dan mengembangkan ekosistem EV tempatan,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif, PRO-NET.

Untuk memikat penonton di setiap persinggahan jelajah dan menarik penyertaan, Jelajah Proton e.MAS 7 akan menampilkan seorang pengacara bergerak. Di setiap negeri, seorang ‘public figure’ akan menyertai jelajah untuk berinteraksi dengan rakyat di lokasi makanan popular bagi mengeratkan hubungan dengan EV nasional pertama ini. Di setiap fasa Jelajah Proton e.MAS 7 ini, e.MAS 7 akan mengunjungi pusat jualan Proton e.MAS yang disertai oleh ‘digital content creator’ yang akan bekerjasama dengan pengacara untuk berinteraksi dengan orang ramai melalui pelbagai aktiviti.

## Persinggahan Akan Datang Jelajah Proton e.MAS 7

Fasa pertama Jelajah e.MAS 7 bermula dari Proton COE di Shah Alam dan akan menuju ke Negeri Sembilan. Proton e.MAS 7 akan melawat negeri anda pada tarikh berikut:

- 5 Oktober 2024 – Negeri Sembilan dan Melaka
- 6 Oktober 2024 – Melaka dan Johor
- 7 Oktober 2024 – Johor

Tetap berhubung dengan Proton e.MAS 7 Tour melalui saluran media sosial rasmi kami untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai lokasi dan waktu persinggahan. Sertai kami untuk berinteraksi dengan pengengaruh kami yang akan meneroka stesen pengecasan dan mengunjungi tempat makan tempatan yang terkenal. Jadilah sebahagian daripada pengembaraan menarik ini ketika kami meneruskan perjalanan menuju masa depan yang lestari untuk Malaysia #eMAS7Tour #JELAJAHeMAS7

Sila ikuti laman web Proton e.MAS dan akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna "Proton e.MAS Cars" untuk Facebook dan Xiaohongshu, serta "@protonemasofficial" untuk Instagram dan TikTok bagi mendapatkan kemas kini terkini.

-Tamat-

### About Proton e.MAS

Proton e.MAS is Malaysia's pioneering national electric vehicle and new energy brand, a sub-brand of PROTON and distributed by PRO-NET. Playing a pivotal role in EV adoption and building the brand's ecosystem, Proton e.MAS is dedicated to leading the charge towards sustainable transportation with an unwavering commitment to innovation and excellence. Our expanding network of dealerships, comprehensive aftersales services, and ecosystem ensures that every customer enjoys a seamless and gratifying experience. Our mission, aligned with our parent company PROTON is to INSPIRE CONNECTIONS by consistently delivering Innovative Technology, Reliability, and International standards. Proton e.MAS was unveiled on 12 June 2024.

### Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>  
Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>  
TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

### Issued by:

#### PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff  
Chief Branding Officer  
Telephone: +6012-2194581  
Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Faisal Shah Mohamed Shah  
Senior Manager, Group Communication  
Telephone: +6019 321 8897  
Email: [faisalshah@proton.com](mailto:faisalshah@proton.com)

Agus Mohamad Nawiah  
Senior Executive, Public Relations  
Telephone: +6017 232 6225  
Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

### For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Nicholas Nathaniel Raj  
H/Advisors Klareco  
Telephone: +6017 610 3249  
Email: [nicholas.raj@h-advisors.global](mailto:nicholas.raj@h-advisors.global)

Joshua Fredrick  
H/Advisors Klareco  
M: +6012 392 8943  
Email: [joshua.fredrick@h-advisors.global](mailto:joshua.fredrick@h-advisors.global)



**PRO-NET**  
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD